

## Penerimaan Masyarakat Terhadap Penguatkuasaan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>Azmawaty Mohamad Nor, <sup>1</sup>Farhana Nabila Fakaruddin,  
<sup>2</sup>Shanina Sharatol Ahmad Shah, <sup>3</sup>Haslee Sharil Lim Abdullah, <sup>4</sup>Mohd Awang Idris,  
<sup>5</sup>Zolkifli Mohd Dom

<sup>1</sup>Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,  
<sup>2</sup>Jabatan Bahasa dan Pendidikan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,  
<sup>3</sup>Jabatan Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, <sup>4</sup>Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, <sup>5</sup>Agensi Antidadah Kebangsaan

### Abstrak

Usaha untuk membanteras isu penyalahgunaan, jenayah, dan pengedaran dadah terus dipertingkatkan saban tahun bagi memastikan negara bebas daripada bahaya dadah. Namun, usaha membasmi masalah dadah bukanlah perkara yang mudah dan menjadi cabaran kepada pelbagai pihak yang terlibat. Di Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menjadi sebuah agensi yang penting dalam membasmi dadah melalui bidang rawatan dan pemulihan, pencegahan, dan penguatkuasaan dan keselamatan. Sejak tahun 2007, penguatkuasaan AADK mula berperanan dalam mengawal masalah dadah melalui pelaksanaan undang-undang. Namun begitu, kajian lepas banyak berfokus kepada rawatan dan pemulihan serta pencegahan dadah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memahami penerimaan dan penglibatan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK. Kaedah kajian kualitatif dilaksanakan ke atas 45 orang masyarakat dari empat negeri berbeza yang terpilih. Protokol temubual dibina sebagai panduan untuk menjalankan temubual kumpulan berfokus. Data kajian dianalisis menggunakan analisis secara tematik untuk mendapatkan tema-tema perbincangan. Dapatan kajian menghasilkan sembilan tema penting bagi penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK iaitu pengurangan masalah dadah, tangkapan token dadah, pemantapan penguatkuasaan, pembersihan kawasan penyalahgunaan dadah, menambahbaik perkhidmatan, memberi kuasa tangkapan kepada penguatkuasa, ancaman keselamatan, masyarakat mendekati diri dengan ahli komuniti, serta pendidikan awal dan keagamaan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan kepentingan penerimaan dan penglibatan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK serta implikasi kepada penambahbaikan penguatkuasaan dan kajian masa hadapan.

**Kata kunci:** Penguatkuasaan, Agensi Antidadah Kebangsaan, Penerimaan, Masyarakat, Penyalahgunaan Dadah

### PENGENALAN

Masalah penyalahgunaan dadah merupakan isu yang tidak asing dalam sesebuah negara yang memberi impak bukan sahaja kepada psikologi seseorang individu, malah menyumbang kepada masalah sosial (Mohamad Nor, 2015; Othman, Idris, & Druis, 2015). Bagi membanteras permasalahan ini, pihak pentadbiran negara melakukan pelbagai usaha dan bersikap proaktif dalam memastikan keselamatan masyarakat terjamin

daripada masalah dadah (Kementerian Dalam Negeri, 2015; Laporan Tahunan Program Transformasi Negara, 2017). Usaha untuk membanteras isu penyalahgunaan, jenayah, dan pengedaran dadah juga terus dipertingkatkan saban tahun bagi memastikan negara bebas daripada bahaya dadah (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017). Namun begitu, usaha membasmi masalah dadah bukanlah perkara yang mudah dan menjadi cabaran kepada pelbagai pihak terlibat termasuklah para saintis, ahli psikologi, pekerja sosial, dan kaunselor dalam rawatan pemulihan dadah (Mohamad Nor, 2015). Malah, isu dadah menjadi topik yang banyak dikaji dan diperdebatkan oleh masyarakat dan para pengkaji dalam usaha mencari solusi kepada membanteras masalah penyalahgunaan dadah (Norayu, Adila, Hassad, Nur Hudi'in, & Nur Salimah, 2014).

Di Malaysia, isu dadah yang semakin serius telah menjadi musuh nombor satu negara sejak tahun 1970-an (Mohd Ariffin, 2016) dan keadaan ini mendorong pihak pentadbiran negara dalam usaha merangka strategi membanteras masalah penyalahgunaan dadah (Parlimen Malaysia, 2018). Isu penagihan dadah juga menimbulkan ancaman keselamatan apabila aktiviti ini mula menular dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur (Rokiah Ismail, 2010; Mohd Ariffin, 2016; Sun et al., 2015). Aktiviti ini turut menjadi faktor kewujudan stigma dalam kalangan masyarakat terhadap penagih-penagih (Boekel, Brouwers, & Weeghel, 2013). Stigma tersebut turut memberi kesan kepada penerimaan masyarakat terhadap individu-individu yang terlibat dengan permasalahan ini (Global Commission on Drug Policy, 2017). Dalam konteks penyelidikan pula, banyak kajian yang telah dilaksanakan sama ada dalam mahupun luar negara dalam bidang rawatan dan pemulihan kepada individu yang terlibat (Carolina & Neuza, 2016; Kamarulzaman & McBrayer, 2015; Min, 2013; Mitchell, Wilson, & MacKenzie, 2012; Rosenberg, Heimer, Keene, Groves, & Blankenship, 2018; Sun et al., 2015) serta pencegahan dan kaedah membanteras penyalahgunaan dadah (Qiu et al., 2015).

Bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah, di Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menjadi sebuah agensi yang penting dalam memainkan tiga fungsi dan peranan utama untuk membasmi dadah melalui bidang rawatan dan pemulihan, pencegahan, dan penguatkuasaan dan keselamatan (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2015; Ibrahim & Kumar, 2009; Qiu et al., 2015). Fungsi dan peranan ketiga-tiga bidang utama AADK ini juga penting dalam menghadapi tujuh cabaran yang dihadapi oleh AADK dalam memastikan negara bebas dari ancaman dadah sekaligus mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2015). Selain itu, usaha dalam menangani masalah dadah melalui tindakan undang-undang telahpun dijalankan sejak tahun 1952 dengan kewujudan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2018b). Malah, pada tahun 2017, satu dasar baru telah dibina iaitu Dasar Dadah Kebangsaan untuk membasmi masalah penagihan, penyalahgunaan, dan pengedaran dadah di negara Malaysia (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2018b). Pembinaan dasar ini juga adalah berfungsi sebagai rujukan dan panduan bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan bagi mengurangkan kemudaratan kesan daripada aktiviti penyalahgunaan dadah (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2018b). Malah, AADK juga melaksanakan pelbagai penyelidikan berkenaan dengan rawatan dan pemulihan serta pencegahan. Walaubagaimanapun, setakat pembacaan literatur, belum ada lagi penyelidikan di Malaysia yang menfokuskan kepada bidang penguatkuasaan AADK.

Sejak tahun 2007, bidang penguatkuasaan AADK mula diperkenalkan dalam usaha untuk membantu dalam menangani masalah permasalahan dadah yang telah bertapak dari tahun 1950-an (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2018b; Mohd Ariffin, 2016). Bidang penguatkuasaan AADK berperanan dalam melaksanakan pelaksanaan undang-undang terhadap masalah yang berkaitan dengan isu dadah (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2018b). Antara fungsi dan peranan penguatkuasaan AADK adalah melaksanakan operasi pengesanan dan penangkapan Orang Yang Disyaki (OYDS) Penagih Dadah, menguruskan Orang Kena Pengawasan (OKP), mengendalikan aduan berkaitan isu dadah, membuka kertas siasatan ke atas OKP yang melanggar syarat pengawasan, pendakwaan ke atas kertas siasatan yang telah mendapat arahan tudu daripada Timbalan Pendakwa Raya, serta memantapkan pematuhan pengurusan keselamatan dan institusi pemulihan dadah (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2018a). Penguatkuasaan juga menjalankan tanggungjawab menangani permasalahan dadah melalui tindakan undang-undang (Mazerolle, Soole, & Rombouts, 2007).

Bagi menyokong usaha penguatkuasaan dadah, penglibatan masyarakat penting dalam usaha untuk membanteras permasalahan dadah dalam konteks komuniti (Giordano, 2014; Ma et al., 2016). Kerjasama masyarakat dapat dilihat bukan sahaja dari segi penglibatan dalam komuniti, malah melalui penerimaan terhadap usaha yang dilaksanakan oleh pihak yang berkepentingan dalam membanteras penyalahgunaan dadah (Nain, Atoma, & Rozeyta, 2004). Penerimaan atau dengan erti kata lain iaitu penilaian yang diberikan terhadap sesuatu, membantu untuk melihat kekurangan yang perlu dipertingkatkan dalam perkhidmatan sesebuah organisasi. Sebagai sebuah agensi yang memainkan peranan utama dalam memerangi masalah dadah, penguatkuasaan AADK dilihat penting untuk mendepani permasalahan ini. Dalam masa yang sama, kerjasama pelbagai pihak juga amat penting dalam membantu pihak AADK untuk mengurangkan isu permasalahan dadah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memahami penerimaan dan penglibatan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK. Penerimaan, penglibatan serta kerjasama masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK mampu membantu dalam mengurangkan kemudaratan kesan daripada aktiviti penyalahgunaan dadah sekaligus mencapai misi penguatkuasaan AADK iaitu melaksanakan penguatkuasaan undang-undang secara berkesan.

## KAJIAN LITERATUR

### ***Penyalahgunaan Dadah***

Isu penyalahgunaan dadah bukan sahaja semakin bertambah dalam konteks negara Malaysia, tetapi juga berlaku di negara-negara lain mengikut statistik kes dadah di dunia yang dilaporkan (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017; World Drug Report, 2018). Aktiviti penyalahgunaan dadah juga menyumbang kepada jenayah dadah seperti masalah pengedaran yang menjadi kebimbangan masyarakat dari segi ancaman keselamatan (Othman et al., 2015). Banyak usaha yang telah dilaksanakan untuk menangani isu penyalahgunaan dadah, namun terdapat keperluan untuk terus mencari solusi dalam meningkatkan usaha mengekang permasalahan ini (Rokiah Ismail, 2010; Rozmi Ismail, Ahmad, Ibrahim, & Nen, 2017; Nachiappan, 2015; Norayu et al., 2014). Bagi mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah, banyak kajian telah dilakukan dan berperanan dalam melihat apakah strategi yang dapat dilaksanakan untuk membantu individu yang terlibat dalam penagihan dadah (Rokiah Ismail, 2010; Kamarulzaman &

McBrayer, 2015). Malah, penyelidikan secara berterusan juga penting bagi membendung masalah ketagihan serta kes dadah berulang (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017).

### ***Persepsi Terhadap Masalah Dadah***

Penglibatan dan kerjasama termasuklah penilaian atau persepsi yang diberikan dilihat sebagai salah satu usaha untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah (Radin et al., 2015). Penilaian yang diberikan oleh penguatkuasa membantu dalam meningkatkan keberkesanan program strategi dadah bagi mengawal masalah penyalahgunaan dadah di negara tersebut (Perez, Jennings, Yanning, & Delcher, 2017). Seterusnya, tugas penguatkuasaan akan lebih berkesan dengan adanya kerjasama masyarakat dalam menilai perkhidmatan penguatkuasaan dadah. Penilaian dan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan penguatkuasa terhadap strategi membanteras juga menyumbang kepada pengurangan kes jenayah dadah (Grubb & Bennett, 2012). Melalui kesedaran yang wujud terhadap masalah jenayah dalam kalangan masyarakat dan penguatkuasa, kerajaan negara dapat merangka usaha yang berkesan untuk menangani masalah jenayah dadah (Grubb & Bennett, 2012).

### ***Kerjasama Menangani Permasalahan Dadah***

Selain penilaian yang dilakukan terhadap strategi penguatkuasaan, kesedaran dan penglibatan komuniti masyarakat dan penguatkuasa menjadi faktor penting untuk menangani masalah dadah. Kajian menunjukkan penglibatan masyarakat penting dalam usaha mencegah masalah penyalahgunaan dadah (Willis, Anderson, & Homel, 2011). Penglibatan masyarakat dilihat dapat membantu melalui maklum balas dan penilaian yang dibuat terhadap perkhidmatan penguatkuasaan dadah. Penilaian dan penglibatan masyarakat juga mampu menyumbang ke arah keberkesanan strategi penguatkuasaan dadah bagi mengurangkan masalah bahaya dadah dalam negara (Willis et al., 2011). Kerjasama yang diberikan oleh masyarakat terhadap isu penagihan dadah juga mampu mengukuhkan kehidupan bersosial dalam sesebuah komuniti tanpa prejudis terhadap golongan penagih-penagih dadah (Nain et al., 2004). Kesedaran masyarakat terhadap penyalahgunaan dadah bergantung kepada sejauh mana penerimaan maklumat berkaitan dadah diperolehi (Azizul et al., 2017). Kekurangan pendedahan maklumat penyalahgunaan dadah akan menyebabkan penglibatan masyarakat dalam program pencegahan turut berkurang (Azizul et al., 2017). Kesannya, faktor tersebut dilihat mampu memberi kesan kepada peningkatan masalah penyalahgunaan dadah dalam negara kerana kekurangan penglibatan secara bersama dalam mengekang isu tersebut (Azizul et al., 2017).

### ***Penguatkuasaan Dadah***

Selain kerjasama masyarakat, rawatan dan pemulihan, pencegahan dadah serta penguatkuasaan adalah satu bidang yang mengukuhkan lagi usaha serta berperanan penting dalam membanteras isu-isu berkaitan dadah (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2015; Sacco, 2014). Bagi memastikan penguatkuasaan dadah dilaksanakan secara efektif, kerjasama pelbagai pihak amat penting dalam membantu masalah berkaitan dengan dadah (Strathdee, Beletsky, & Kerr, 2015). Kajian menunjukkan undang-undang penguatkuasaan terhadap penggunaan dadah secara haram sentiasa ditambahbaik dan penting dalam memastikan pengawalan aktiviti penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa (Fischer, Murphy, Rudzinski, & MacPherson, 2016). Satu kajian sistematik

di Amerika Syarikat menunjukkan usaha penguatkuasaan perlu dipertingkatkan dan ditambahbaik dengan mengambil kira keberkesanan dalam menjalankan undang-undang penguatkuasaan dadah (Polomarkakis, 2017). Di Malaysia pula, penguatkuasa AADK mencadangkan bahawa penguatkuasa perlu melihat trend dan situasi masalah penyalahgunaan terkini dalam meningkatkan usaha untuk membantu mengurangkan kes pengambilan semula dadah (Matshah, Halik, & Kimong, 2014).

### ***Rawatan dan Pemulihan Dadah***

Pelbagai kajian dan usaha telah dilaksanakan dalam bidang rawatan dan pemulihan untuk membantu individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah (Denomme & Benhanoh, 2017; Giordano, 2014; Ma et al., 2016; Matshah et al., 2014; Sun et al., 2015; Werb et al., 2016). Di Amerika Syarikat pula, rawatan dan pemulihan dadah lebih tertumpu untuk menangani isu masalah dadah jenis Methamphetamine yang semakin tinggi serta penggunaan Heroin dan Kokain (US Politics & Policy, 2014). Kajian juga menunjukkan usaha rawatan dan pemulihan penting perlu dilaksanakan secara berterusan dalam mengawal masalah penyalahgunaan dadah (US Politics & Policy, 2014). Di Malaysia, persepi dan pandangan penagih juga membantu dalam menambah baik perkhidmatan pengawasan agensi dadah yang diterima di pusat pemulihan (Matshah et al., 2014). Persepsi penagih dadah memberi impak kepada penilaian keberkesanan pengawasan AADK Malaysia dalam usaha meningkatkan strategi pengawasan bagi mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah berulang (Matshah et al., 2014).

### ***Pencegahan Dadah***

Bagi mengawal masalah penyalahgunaan dadah, program dan aktiviti pencegahan dadah juga sangat penting dan relevan dalam mengurangkan risiko dalam sesebuah negara. Di negara Kenya, program pencegahan dadah di universiti merupakan salah satu usaha yang dijalankan untuk memberikan maklumat serta mencegah penglibatan penyalahgunaan dadah dalam kalangan golongan muda (Ronoh, 2014). Program pencegahan di sekolah juga menjadi salah satu intervensi dan medium yang sesuai untuk mendekati golongan muda sekaligus mengurangkan risiko penglibatan dalam penagihan dadah (Das, Salam, Arshad, Finkelstein, & Bhutta, 2016). Di Malaysia, program pencegahan dalam komuniti melalui pendidikan tentang dadah dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti bersama bekas penagih penting untuk mengurangkan masalah dadah serta menjadi salah satu usaha pencegahan dadah (Johdi, 2012). Kekurangan maklumat dan promosi dadah boleh mengurangkan kerjasama masyarakat dalam usaha menangani masalah dadah di peringkat komuniti (Min, 2013).

Walaupun bagaimanapun, setakat pembacaan literatur, masih belum terdapat penyelidikan di Malaysia yang berfokuskan kepada penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK. Malah, kajian berkaitan bidang penguatkuasaan di luar negara juga lebih menjurus kepada penilaian terhadap kepentingan pelaksanaan penguatkuasaan terhadap undang-undang dadah yang mampu mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah. Kajian-kajian lepas di Malaysia terutamanya banyak mengkaji bidang rawatan dan pemulihan (Rokiah Ismail, 2010; Matshah et al., 2014; Min, 2013) serta pencegahan (Fook, Sidhu, Hoe, Hamid, & Hussin, 2015; Johdi, 2012; Min, 2013) dadah berbanding penguatkuasaan dadah.

## METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengkaji penerimaan masyarakat serta penglibatan terhadap penguatkuasaan AADK. Kajian ini menggunakan pendekatan *Basic Qualitative Inquiry* untuk memberi tumpuan kepada pengalaman dan persepsi masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK. Jadual di bawah menunjukkan objektif dan persoalan bagi kajian ini:

**Jadual 1: Objektif dan soalan kajian**

Objektif Kajian	Soalan Kajian
1. Mengkaji penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK	1. Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK?
2. Mengkaji penglibatan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK	2. Bagaimanakah penglibatan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK?

Pemilihan peserta kajian ini dilakukan mengikut zon dan kawasan berdasarkan Laporan Kawasan Berisiko Tinggi 2018 yang diwakili oleh empat zon dan empat negeri iaitu negeri Kedah (Zon Utara), Johor (Zon Selatan), Pahang (Zon Timur), dan Kuala Lumpur (Zon Tengah). Seramai 45 orang masyarakat daripada keempat-empat negeri terlibat dalam kajian ini. Strategi persampelan bertujuan digunakan untuk memastikan kualiti penyelidikan dalam memahami penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK. Jadual di bawah menunjukkan peserta kajian mengikut zon dan negeri:

**Jadual 2: Jumlah peserta kajian mengikut zon dan negeri**

Zon	Negeri	Masyarakat (orang)
Selatan	Johor	12
Tengah	Kuala Lumpur	12
Utara	Kedah	9
Timur	Pahang	12
Jumlah		45

Pemilihan sampel kajian mengikut zon dan negeri terpilih juga dilakukan mengikut persetujuan dan keizinan daripada pihak Ibu Pejabat AADK dan AADK negeri Malaysia bagi menjalankan kajian temubual. Rajah 1 di bawah menunjukkan pemilihan sampel bagi kajian ini:

### Rajah 1: Pemilihan sampel kajian



Sebagai instrumen utama dalam kajian kualitatif, protokol temubual telah dibina sebagai panduan kepada pengkaji semasa menjalankan sesi temubual bersama peserta kajian. Bagi memperolehi data secara lebih menyeluruh, pengkaji turut mendapatkan persepsi masyarakat terhadap rawatan dan pemulihan dan pencegahan yang dikaitkan dengan penguatkuasaan AADK.

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan secara temubual, pengkaji turut menemubual 51 orang penguatkuasa dan 40 Orang Kena Pengawasan (OKP) bagi menyokong dapatan daripada temubual bersama masyarakat. Langkah ini juga adalah sebagai usaha untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian melalui kaedah pengumpulan kajian yang pelbagai (Morgan, 2013). Temubual bersama peserta kajian dijalankan selama 1 jam 30 minit hingga ke 2 jam secara perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion*). Peserta kajian diberikan borang persetujuan termaklum sebelum pengkaji menjalankan temubual bagi mendapatkan persetujuan untuk terlibat dalam kajian.

### ANALISA DATA


Kaedah analisis tematik yang melalui proses koding digunakan untuk menganalisis dapatan temubual kajian. Setelah selesai temubual, transkrip verbatim disediakan oleh pengkaji untuk dianalisis dengan memberi tumpuan kepada fakta penting melalui transkrip tersebut. Langkah-langkah untuk memperolehi tema perbincangan ditunjukkan seperti Rajah 2 di bawah:

**Rajah 2: Langkah-langkah untuk memperolehi tema perbincangan**



Seterusnya, fakta-fakta penting yang diperolehi dikategorikan dan digabungkan serta dianalisis untuk membentuk tema perbincangan dalam dapatan kajian. Analisis tema perbincangan ditunjukkan seperti dalam Rajah 3 berikut:

**Rajah 3: Analisis tema perbincangan**



Setelah menganalisis dapatan temubual kajian, dapatan kajian diinterpretasikan sebelum menjalankan bengkel penyelidikan pemurnian dapatan kajian bersama kumpulan penyelidik dan pegawai-pegawai atasan AADK. Tujuan bengkel diadakan adalah sebagai salah satu etika dalam memastikan dapatan kajian selaras dengan objektif kajian serta kehendak pihak AADK. Laporan akhir disediakan setelah pemurnian dapatan dijalankan.


**Pertimbangan Etika**

Pelaksanaan etika dan prosedur kajian yang tersusun dilakukan oleh penyelidik bertujuan untuk memastikan kebolehpercayaan dapatan temubual. Peserta kajian dimaklumkan mengenai matlamat dan keperluan kajian sebelum menjalankan sesi temubual. Borang

persetujuan termaklum turut diberikan kepada peserta kajian yang merangkumi aspek kerahsiaan dan tujuan penglibatan dalam memberikan pandangan mereka terhadap penguatkuasaan AADK. Pengkaji juga memastikan maklumat peserta kajian tidak dikenali dalam penulisan laporan akhir bertujuan untuk melindungi dan mengelakkan kemudaratan penglibatan dalam kajian.

Rajah 4 di bawah adalah merujuk kepada prosedur kajian ini:


**Rajah 4: Prosedur kajian**



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis temubual kajian mengenai penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK menghasilkan sembilan tema akhir perbincangan. Tema tersebut juga dianalisis berdasarkan episod temubual, koding awal, dan tema perbincangan setiap negeri yang telah dibentuk untuk mendapatkan tema akhir perbincangan. Sembilan tema akhir tersebut adalah: (1) Pengurangan masalah jenayah (2) Pemantapan penguatkuasaan (3) Tangkapan token-tokan dadah (4) Pembersihan kawasan penagihan dadah (5) Menambahbaik perkhidmatan (6) Memberi kuasa tangkapan kepada penguatkuasa AADK (7) Ancaman keselamatan (8) Masyarakat mendekatkan diri dengan ahli komuniti (9) Pendidikan awal dan keagamaan. Rajah 5 di bawah menunjukkan hasil tema perbincangan akhir kajian:

**Rajah 5: Tema akhir perbincangan**



Dapatan kajian bagi sembilan tema akhir disokong oleh transkrip verbatim yang diperolehi hasil daripada temubual bersama peserta kajian mengenai penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK.

### **Tema 1: Pengurangan masalah dadah**

Hasil dapatan menunjukkan masyarakat berpendapat bahawa penguatkuasaan AADK berperanan penting dalam usaha mengurangkan masalah dadah di Malaysia. Peranan AADK dalam mengurangkan masalah dadah juga dapat dilihat berdasarkan dapatan temubual bersama peserta kajian seperti berikut:

*"Ada yang bertanya macam mana nak dapatkan bantuan ahli keluarga diorang yang terlibat kan, ada juga"*

Transkrip: M7/FSP/81-82

*"Biasa kita buat aduan je lah kalau ada apa-apa, macam kadang-kadang biasa kan macam kes kecurian banyak berlaku kan"*

Transkrip: M9/FSP/90-91

Berdasarkan dapatan temubual kajian, masyarakat mengetahui peranan penguatkuasaan AADK melalui khidmat aduan serta promosi perkhidmatan kepada komuniti terutamanya di sekolah-sekolah. Program komuniti yang diadakan di kawasan penempatan mereka juga membantu menambahkan pengetahuan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK. Dapatan temubual ini menyokong kajian lepas yang menunjukkan kejelasan masyarakat terhadap penguatkuasaan penting dalam usaha mengurangkan isu penyalahgunaan dadah (Mazerolle et al., 2007; Perez et al., 2017).

### **Tema 2: Pemantapan penguatkuasaan**

Berdasarkan perspektif masyarakat, masyarakat menyedari bahawa AADK memainkan peranan dalam mengawal masalah berkaitan dadah. Namun begitu, hasil temubual bersama masyarakat dan disokong oleh OKP dan penguatkuasa menyatakan keperluan untuk memantapkan bidang penguatkuasaan AADK. Transkrip di bawah menunjukkan dapatan temubual terhadap kepentingan memantapkan bidang penguatkuasaan AADK:

*"Saya rasa AADK ini dia punya pelaksanaan dia tak sampai lagilah tahap dia. Perlu lebih mantap".*

Transkrip: M1/FSP/1125-1126

*"Jadi apabila begini, sekarang kita nak menambah baik peranan AADK. Perlu ada pemantauan berterusan".*

Transkrip: M8/KK/510-512

Tema temubual kedua ini memperlihatkan bahawa masyarakat memandang AADK bukan sahaja sebagai sebuah agensi yang berperanan dalam mengawal masalah penyalahgunaan dadah, malah turut perlu untuk meningkatkan kuasa penguatkuasaan untuk mengawal dan mencegah jenayah berkaitan dadah. Dapatan temubual ini disokong oleh kajian lepas yang menunjukkan bahawa kepentingan penilaian oleh masyarakat terhadap kepentingan pemantapan penguatkuasaan bagi menangani masalah dadah (Grubb & Bennett, 2012; Polomarkakis, 2017; Radin et al., 2015; Willis et al., 2011).

### **Tema 3: Tangkapan token-token dadah**

Tema temubual ini terhasil daripada persepsi masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK untuk mempunyai kuasa dalam menangkap token-token dadah. Masyarakat

berpendapat bahawa bidang penguatkuasaan AADK perlu menangkap token-token dadah bagi mengurangkan masalah penagihan dadah. Transkrip di bawah menunjukkan dapatan temubual berkenaan keperluan tangkapan token-token dadah:

*"Pengedar dadah kita perlu ambil tindakan tatatertib. Kalau macam mana kita buat program sekali pun kalau pengedar tak dapat...memang tak ada guna".*

Transkrip: M4/FSP/1175-1176

*"Jadi sekarang ni pendekatan AADK ni dengan pengedar-pengedar ni macam mana?"*

*Kalau saya, saya hendak AADK menangkap pengedar ni"*

Transkrip: M4/FTA/75-76, 80-81

Dapatan tema temubual ketiga ini selari dengan misi AADK untuk mengurangkan penyalahgunaan dadah. Malah, tangkapan token-token dadah juga dilihat mampu untuk mengawal dan mencegah peningkatan jenayah penyalahgunaan dadah yang lebih besar. Dapatan ini disokong oleh kajian lepas yang menunjukkan kepentingan penilaian masyarakat terhadap penguatkuasaan dalam mengurangkan jenayah berkaitan dengan dadah (Grubb & Bennett, 2012; Radin et al., 2015).

#### **Tema 4: Pembersihan kawasan penagihan dadah**

Tema keempat ini menunjukkan kepentingan penguatkuasaan AADK dalam melakukan pembersihan bagi kawasan-kawasan penyalahgunaan dadah. Tema yang terhasil ini dilihat selari dengan matlamat AADK untuk mengurangkan kemudaran melalui masalah penagihan dalam negara.

*"Macam ni pun, kita kat luar tu, pun tak berani nak cakap. Kadang kita yang...diorang balas dendam. Benda macam tu kan"*

Transkrip: M7/FSP/901-902

Oleh itu, dapatan ini menunjukkan masyarakat menyedari kepentingan AADK untuk membanteras kawasan penagihan dadah bagi mengurangkan kesan kemudaran dalam kawasan komuniti. Pembersihan kawasan penyalahgunaan dadah ini juga dilihat sebagai usaha dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah melalui peranan penguatkuasaan AADK serta mewujudkan kawasan komuniti yang lebih selamat daripada bahaya dadah.

#### **Tema 5: Menambahbaik perkhidmatan**

Seterusnya, tema kelima yang terhasil daripada temubual bersama masyarakat berkenaan penerimaan mereka terhadap penguatkuasaan menunjukkan keperluan perkhidmatan penguatkuasaan AADK untuk ditambahbaik. Penambahbaikan perkhidmatan penguatkuasaan juga merujuk kepada keperluan pemberian kuasa tangkapan kepada penguatkuasa untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah. Selain itu, penambahbaikan dapat dilakukan dengan mengenalpasti masalah sedia ada dan menjalankan usaha yang lebih berkesan dan efektif dalam penguatkuasaan. Transkrip di bawah menunjukkan dapatan temubual mengenai keperluan menambahbaik perkhidmatan:

*"Jadi takda satu skuad yang betul-betul nak membenteras sebab kita tahu geng pengedar dadah ini bukannya pakai pembaris kan, tapi pisau. Semua dia ada senjata, masing-masing ada senjata".*

Transkrip: M4/FTA/673-676

*"Jadi kita tak tahu dekat mana, jadi itulah, sepatutnya dari segi undang-undang kita perlu perhalusi. Dan kes yang banyak terlepas ni kita tengok macam mana, mungkin bukan la semua. Ada yang terlepas".*

Transkrip: M8/KK/186-188

Dapatan ini menyokong kajian lepas yang menunjukkan bahawa keperluan untuk melihat terlebih dahulu (Matshah et al., 2014) isu yang berlaku dan menambah baik perkhidmatan dalam penguatkuasaan dadah. Kerjasama antara masyarakat dan promosi juga perlu dipertingkatkan dalam usaha untuk menambahbaik perkhidmatan. Masyarakat juga menyatakan keperluan pihak penguatkuasa untuk diberikan senjata lengkap, alat penyamaran, dan kemudahan logistik yang membantu operasi penguatkuasaan. Kesemua penambahbaikan ini membantu pihak AADK untuk dinaiktaraf menjadi sebuah jabatan dalam mengatasi kekurangan sumber manusia dan isu pakaian seragam.

### **Tema 6: Memberi kuasa tangkapan kepada penguatkuasa AADK**

Tema keenam ini menunjukkan masyarakat berpendapat bahawa penguatkuasa AADK perlu diberikan kuasa tangkapan. Tema ini terhasil daripada rasa kekecewaan masyarakat terhadap limitasi pihak penguatkuasa AADK untuk menangani masalah penjualan dadah dan ditunjukkan seperti dalam transkrip temubual di bawah:

*"Dia contohnya, hari ini ditangkap, esok dah lepaslah balik. Contohnya macam tu, lepas tu dia akan mencari alasan, mak bapa budak itu merayu, anak-anak dia sekolah lagi dan sebagainya. Tapi kita tak sepatutnya selamatkannya, tapi mereka tak faham".*

Transkrip: M1/KC/353-356

*"Tajuk dia tadi kan, kenapa mereka ni tak boleh tangkap token yang besar? Mungkin ada sekatan ke? Mungkin apa. Kitorang bukan apa, nak faham".*

Transkrip: M8/KK/230-231

Majoriti masyarakat juga menyuarakan pendapat tentang isu tangkapan dan tahanan reman yang singkat terhadap orang yang disyaki menagih dadah. Hasil temubual kajian ini memperlihatkan keperluan untuk mewartakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 bagi memberi kuasa tangkapan kepada penguatkuasa AADK dalam isu penganugerahan dadah.

### **Tema 7: Ancaman keselamatan**

Hasil temubual berkaitan penglibatan masyarakat dalam penguatkuasaan AADK pula menghasilkan tema berkenaan ancaman keselamatan. Ancaman keselamatan yang

timbul hasil daripada kerjasama masyarakat terhadap membanteras kes penagihan dadah ditunjukkan seperti dalam transkrip di bawah:

*"Duduk kampung rasa tak berapa selamat. Kalau dalam keadaan orang ramai ok, tapi sekarang ni"*

Transkrip: M9/FSP/791-794

*"Baru-baru ni, kau lalu sini barang aku hilang aku rembat kaki kau. Tiang besi hilang satu, hilang satu tong. Jadi benda ni macam mana kita nak tegur?"*

Transkrip: M4/FTA/369-371

Masyarakat dan OKP menyatakan bahawa kerjasama yang diberikan kepada pihak penguatkuasaan AADK boleh menimbulkan ancaman keselamatan kepada mereka. Ancaman keselamatan ini termasuklah mereka berasa takut atas faktor keselamatan diri dan keluarga apabila memberikan kerjasama dari segi pemberian informasi aktiviti penyalahgunaan dadah, kawasan penagihan, dan pengedaran. Dapatan temubual ini menunjukkan kepentingan AADK dalam merangka usaha baru melalui penambahbaikan perkhidmatan yang dapat meningkatkan kerjasama masyarakat serta mengurangkan ancaman keselamatan. Kerjasama dan penglibatan daripada masyarakat penting dalam menangani isu berkaitan penyalahgunaan dadah yang berlaku dalam konteks komuniti (Mazerolle et al., 2007; Nain et al., 2004; Willis et al., 2011).

### **Tema 8: Masyarakat mendekati diri dengan ahli komuniti**

Tema kelapan ini terhasil daripada temubual bersama masyarakat yang menunjukkan kerjasama masyarakat dalam menangani isu penagihan adalah penting untuk mengurangkan masalah dadah dalam komuniti dan dibuktikan seperti transkrip temubual di bawah:

*"Sama-sama bekerjasama dengan ibubapa orang kata bukan semua ibubapa tak boleh terima ada ibubapa memang dia suka".*

Transkrip: M6/P/384-385

*"Kalau boleh untuk nak memulihkan dia balik itu kita kena ada follow up balik dengan masyarakat. Dibantu oleh adanya orang yang berkuasa untuk nak memantau balik".*

Transkrip: M12/FSP/1296-1298

Tema ini memperlihatkan bahawa kerjasama mampu mewujudkan masyarakat yang berani untuk membantu dan mendekati diri dengan ahli komuniti iaitu bekas atau penagih dadah. Dapatan kajian menyokong kajian lepas yang menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap komuniti bekas penagih dan penagih dadah penting sebagai usaha dalam mengurangkan aktiviti penyalahgunaan dadah (Johdi, 2012; Willis et al., 2011). Malah, tema ini turut menyokong hasrat AADK untuk meningkatkan penglibatan masyarakat atau *community empowerment* dalam mencegah dan mengurangkan masalah dadah dalam negara.

## Tema 9: Pendidikan awal dan keagamaan

Tema terakhir yang terhasil daripada persepsi masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK menunjukkan pendidikan awal dan keagamaan penting sebagai langkah pencegahan permasalahan dadah. Pendidikan awal dan keagamaan ini merujuk kepada penglibatan masyarakat serta ibu bapa dalam usaha mengurangkan masalah penagihan, jenayah, dan penyalahgunaan dadah. Tema yang terhasil adalah berdasarkan transkrip temubual seperti di bawah:

*"Cuma kita nak jaga yang belum lagi. Jaga sebelum kena, sebab nak baik sendiri payah. Sebab itu kitorang macam saya masjid saya akan buat program belia kan, sembahyang hari-hari, kita nak tarik diorang supaya tak pergi sana lah".*

Transkrip: M3/FSP/170-173

*"Jadi, ibu bapa ni, kita kena beri dia kefahaman. Ataupun, dipanggil apa, kempen la. Kesedaran kepada ibu bapa, adik beradik kena ada jugak".*

Transkrip: M3/FSP/292-293

Dapatan bagi tema terakhir ini disokong kajian lepas yang menunjukkan kepentingan dalam memberikan pendidikan awal berkaitan dadah (Johdi, 2012). Masyarakat dan disokong oleh OKP turut menyatakan pendekatan kerohanian dan keagamaan membantu kepulihan ahli-ahli komuniti dalam proses kepulihan dan mencegah penagihan semula.

### IMPLIKASI KAJIAN

Kajian tentang penerimaan penguatkuasaan AADK dari lensa masyarakat ini menghasilkan tiga implikasi kajian. Pertama, kajian ini dapat membantu pihak penguatkuasaan AADK dalam menambahbaik perkhidmatan penguatkuasaan dalam membanteras isu penagihan dadah. Memandangkan kajian lepas di Malaysia banyak mengkaji bidang rawatan dan pemulihan, maka kajian ini menjadi penambahan kajian berkenaan penguatkuasaan. Kedua, kajian ini menunjukkan kepentingan pendidikan dadah sebagai langkah untuk memberikan pendedahan dan maklumat dadah kepada golongan muda, pelajar, serta masyarakat. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai panduan bagi kajian hadapan dalam melihat kepentingan pendidikan dadah di Malaysia. Ketiga, kajian ini juga membantu dalam penghasilan model pencegahan dadah berdasarkan persepektif masyarakat terhadap penguatkuasaan.

### LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN

Kajian ini juga menyediakan beberapa limitasi dan cadangan untuk penyelidikan akan datang berkaitan penguatkuasaan AADK. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada empat negeri di Malaysia sahaja. Oleh itu, penyelidikan seterusnya boleh mengkaji penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK di seluruh negeri Malaysia terutamanya kawasan-kawasan berisiko tinggi dadah. Seterusnya, kajian akan datang boleh menggunakan pendekatan kuantitatif kerana kajian ini berfokuskan kajian kualitatif. Pendekatan kuantitatif dapat digunakan untuk melihat penerimaan dan penglibatan

masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK supaya dapatan kajian yang diperolehi boleh digeneralisasikan dalam bidang penyelidikan berkaitan penguatkuasaan dadah. Selain itu, kajian lanjutan juga boleh dilakukan hasil daripada penemuan kajian ini memandangkan kajian berkenaan bidang rawatan dan pemulihan serta pencegahan di Malaysia telah banyak dijalankan. Dengan adanya pertambahan kajian tentang penguatkuasaan AADK, maka dapatan tersebut dapat membantu usaha AADK dalam memantapkan lagi bidang penguatkuasaan.

## KESIMPULAN

Secara rumusnya, kajian ini menghasilkan sembilan tema perbincangan berkenaan dengan penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan AADK. Dapatan kajian temubual juga memperlihatkan kepentingan bidang penguatkuasaan AADK untuk menambahbaik perkhidmatan dengan memantapkan strategi baru dalam membanteras permasalahan dadah di Malaysia. Selain itu, dapatan kajian berkaitan penguatkuasaan ini membantu hasrat Kementerian Dalam Negeri Malaysia dalam meningkatkan pembangunan keupayaan dan kemahiran agensi penguatkuasaan untuk mengawal masalah dadah. Kajian ini juga menunjukkan kepentingan penglibatan masyarakat dalam membantu hasrat AADK ke arah memperkasakan *community empowerment* untuk membanteras masalah dadah di Malaysia. Malah, hasil penemuan turut memperlihatkan kepentingan pendidikan dadah sebagai satu sumber dalam meningkatkan pengetahuan serta mencegah penglibatan masyarakat dalam gejala dadah.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai melalui Geran Penyelidikan Ilmiah, Agensi Antidadah Kebangsaan 2018, Kementerian Dalam Negeri. Nombor geran penyelidikan ini adalah GA008-2018.

## RUJUKAN

Agensi Antidadah Kebangsaan. (2015). *Pelan Strategik 2015-2020 Agensi Antidadah Kebangsaan: Kementerian Dalam Negeri*.

Agensi Antidadah Kebangsaan. (2017). *Maklumat Dadah 2017*. Kementerian Dalam Negeri Retrieved from [https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/Maklumat-Dadah-2017\\_final-compressed.pdf](https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/Maklumat-Dadah-2017_final-compressed.pdf).

Agensi Antidadah Kebangsaan. (2018a). Bahagian Penguatkuasaan & Keselamatan. Retrieved from <https://www.adk.gov.my/bahagian-unit/bahagian-penguatkuasaan-keselamatan/>

Agensi Antidadah Kebangsaan. (2018b). Sejarah AADK. Retrieved from <https://www.adk.gov.my/maklumat-korporat/sejarah-aadk/>

Azizul, H. Y., Ismail, S. Z. A. B., Zaliffah, A. W., Nora, N., Hamimda, A., Antashah, M. N. A. A., & Mohd Nur, N. N. (2017). Keberkesanan Program Kesedaran Awam AADK melalui Pendekatan Pemasaran Sosial. *Jurnal Antidadah Malaysia*.

Boekel, L. C. v., Brouwers, E. P. M., & Weeghel, J. v. (2013). Stigma among health professionals towards patients with substance use disorders and its consequences for healthcare delivery: Systematic review. *Drug and Alcohol Dependence*, 131, 23-35.

Carolina, D., Reis,, & Neuza, M., De, Fatima, Guareschi. (2016). Preventing Juvenile Delinquency: Compulsory Hospitalization as a Public Security Tool. *SAGE Open*, 1-10.

Das, J. K., Salam, R. A., Arshad, A., Finkelstein, Y., & Bhutta, Z. A. (2016). Interventions for Adolescent Substance Abuse: An Overview of Systematic Reviews. *journal of Adolescent Health*, 59, 61-75.

Denomme, W. J., & Benhanoh, O. (2017). Helping concerned family members of individuals with substance use and concurrent disorders: An evaluation of a family member-oriented treatment program. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 79, 34-45.

Fischer, B., Murphy, Y., Rudzinski, K., & MacPherson, D. (2016). Illicit drug use and harms, and related interventions and policy in Canada: A narrative review of select key indicators and developments since 2000. *International Journal of Drug Policy*, 27, 23-35.

Fook, C. Y., Sidhu, G. K., Hoe, W. E., Hamid, M. Z. A., & Hussin, A. H. M. (2015). Keberkesanan Program Skuad 1Malaysia Dalam Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Klien Berisiko di Komuniti. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1).

Giordano, V., A. . (2014). Public Acceptance for Drug Treatment in Lieu of Incarceration for Drug Offenders in Florida. *Journal of Drug Issues*, 44(4), 414-429.

Global Commission on Drug Policy. (2017). *The World Drug Perception Problem: Countering Prejudices About People Who Use Drugs*. Retrieved from [http://www.globalcommissionondrugs.org/wp-content/uploads/2018/01/GCDP-Report-2017\\_Perceptions-ENGLISH.pdf](http://www.globalcommissionondrugs.org/wp-content/uploads/2018/01/GCDP-Report-2017_Perceptions-ENGLISH.pdf)

Grubb, D., & Bennett, K. (2012). The readiness of local law enforcement to engage in US anti-trafficking efforts: an assessment of human trafficking training and awareness of local, county, and state law enforcement agencies in the State of Georgia. *Police Practice and Research*, 13(6), 487-500. doi:10.1080/15614263.2012.662815

Ibrahim, F., & Kumar, N. (2009). Factors Effecting Drug Relapse in Malaysia: An Empirical Evidence. *Asian Social Science*, 5(12), 1-8.

Ismail, R. (2010). Pemerkasaan pengguna dadah dalam institusi pemulihan di Malaysia: Ke arah menjamin kesejahteraan individu dan masyarakat. *Malaysia Journal of Society and Space*, 6(1), 31-49.

Ismail, R., Ahmad, N. A., Ibrahim, F., & Nen, S. (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. *Akademika*, 87(01), 7-16. doi:10.17576/akad-2017-8701-01

Johdi, S. M. (2012). *Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor*. Paper presented at the International Seminar on Community Development Kuala Terengganu.

- Kamarulzaman, A., & McBrayer, J. L. (2015). Compulsory Drug Detention Centres in East and Southeast Asia. *International Journal of Drug Policy*, 26, 33-37.
- Kementerian Dalam Negeri. (2015). *Pelan Strategik: Kementerian Dalam Negeri 2015-2020*.
- Laporan Tahunan Program Transformasi Negara. (2017). *Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2017*. Putrajaya.
- Ma, Y., Du, C., Cai, T., Han, Q., Yuan, H., Luo, T., . . . Zhang, C. (2016). Barriers to community-based drug dependence treatment: implications for police roles, collaborations and performance indicators. *Journal of the International AIDS Society*, 19(3).
- Matshah, N., Halik, M., & Kimong, P. J. (2014). Coping strategies, perceptions of the effectiveness of rehabilitation programs and intention to relapse among former Methamphetamine addicts. *Southeast Asia Psychology Journal*, 2, 77-94.
- Mazerolle, L., Soole, D., & Rombouts, S. (2007). Drug Law Enforcement: A Review of the Evaluation Literature. *Police Quarterly*, 10(2), 115-153.
- Min, R. M. (2013). Rumah Komuniti: Program Pemulihan Penagih Separa Pulih. *Jurnal Kemanusiaan UTM*, 11(1).
- Mitchell, O., Wilson, D. B., & MacKenzie, D. L. (2012). The Effectiveness of Incarceration-Based Drug Treatment on Criminal Behavior: A Systematic Review. *Campbell Systematic Reviews*.
- Mohamad Nor, N. (2015). *Kerinduan Atau Ketagihan Terhadap Dadah Punca Belia Kecundang Dan Kembali Menagih*. Paper presented at the International Drug Prevention And Rehabilitation Conference.
- Mohd Ariffin, N. (2016). *Pengaruh kesejahteraan rohani terhadap kecenderungan pengulangan dadah di tujuh pusat khidmat agensi anti dadah kebangsaan (PKAADK) di Malaysia*. (Doctoral Degree), Universiti Sains Malaysia.
- Morgan, D., L. (2013). *Focus Groups as Qualitative Research: Planing and research design for focus groups*. In (pp. 18).
- Nachiappan, S. (2015). Analisis Faktor Penyumbang Terhadap Penyalahgunaan Dadah dan Usaha Pemulihan dari Segi Kognisi di Pusat PENGASIH Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 1(1), 34-39.
- Nain, A., S, M, Atoma, P., & Rozeyta, O. (2004). *Persepsi Penagih, Ibu Bapa, dan Masyarakat Terhadap Dadah*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004) Universiti Utara Malaysia, Hotel City Bayview, Langkawi, Kedah.
- Norayu, B., Adila, I., Hassad, H., Nur Hudi'in, D., & Nur Salimah, A. (2014). *Penyalahgunaan Dadah: Cabaran Malaysia Dalam Mencapai Wawasan 2020*. Paper presented at the 2nd IMT-GT On Drug ,Substance & Alchohol Abuse Alor Setar Kedah.
- Othman, Z., Idris, N. A., & Druis, M. D. (2015). Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengrekrutan penagih dadah di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 11(13), 60-71.

- Parlimen Malaysia. (2018). *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara: Parlimen Ketiga Belas Penggal Keenam Mesyuarat Pertama Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia*
- Perez, N. M., Jennings, W. G., Yanning, W., & Delcher, C. (2017). Law Enforcement Officers' Perceptions of Florida's Prescription Drug Monitoring Program. *Journal of Contemporary Criminal Justice*, 33(4), 368-379.
- Polomarkakis, K., A. (2017). Drug Law Enforcement Revisited: The "War" Against the War on Drugs. *Journal of Drug Issues*, 47(3), 396-404. doi:10.1177/0022042617697017
- Qiu, T., Chie,, Cai, L., Tam,, Bonn, G., Chee, P., Wong,, Hoang, M., Dang,, & Rozainee, K. (2015). Drug abuse, relapse, and prevention education in Malaysia: perspective of university students through a mixed methods approach. *Frontiers in Psychiatry*, 6(1-13).
- Radin, S. M., Kutz, S. H., LaMarr, J., Vendiola, D., Vendiola, M., Wilbur, B., . . . Donovan, D. M. (2015). Community perspectives on drug/alcohol use, concerns, needs, and resources in four Washington State Tribal communities. *J Ethn Subst Abuse*, 14(1), 29-58. doi:10.1080/15332640.2014.947459
- Ronoh, K., C. (2014). *Effectiveness of Drug and Substance Abuse Prevention Programs in Selected Public and Private Universities in Kenya*. (Doctor of Philosophy ), Kenyatta University Kenya.
- Rosenberg, A., Heimer, R., Keene, D. E., Groves, A. K., & Blankenship, K. M. (2018). Drug Treatment Accessed through the Criminal Justice System: Participants' Perspectives and Uses. *Journal of Urban Health*, 1-10.
- Sacco, L., N. (2014). *Drug Enforcement in the United States: History, Policy, and Trends*. In.
- Strathdee, S. A., Beletsky, L., & Kerr, T. (2015). HIV, drugs and the legal environment. *Int J Drug Policy*, 26 Suppl 1, S27-32. doi:10.1016/j.drugpo.2014.09.001
- Sun, H. M., Li, X. Y., Chow, E. P. F., Li, T., Xian, Y., Lu, Y.-H., . . . Zhang, L. (2015). Methadone maintenance treatment programme reduces criminal activity and improves social well-being of drug users in China: a systematic review and meta-analysis. *BMJ Open*, 5(1).
- US Politics & Policy. (2014). *Perceptions of Drug Abuse, Views of Drug Policies*.
- Werb, D., Kamarulzaman, A., Meacham, M. C., Rafful, C., Fischer, B., Strathdee, S. A., & Wood, E. (2016). The Effectiveness of Compulsory Drug Treatment: A Systematic Review. *Internation Journal of Drug Policy*, 28, 1-9.
- Willis, K., Anderson, J., & Homel, P. (2011). *Measuring The Effectiveness of Drug Law Enforcement*. Canberra: Australian Institute of Criminology Retrieved from <https://aic.gov.au/publications/tandi/tandi406>
- World Drug Report. (2018). *World Drug Report: Executive Summary Conclusions and Policy Implications* Retrieved from United Nations: [https://www.unodc.org/wdr2018/prelaunch/WDR18\\_Booklet\\_1\\_EXSUM.pdf](https://www.unodc.org/wdr2018/prelaunch/WDR18_Booklet_1_EXSUM.pdf)